

terjadi?” Rasulullah s.a.w. bersabda : “Tidaklah orang yang ditanya tentang persoalan itu lebih tahu daripada orang yang bertanya. Tetapi akan kuberitahukan kepadamu tanda-tandanya: apabila engkau melihat perempuan melahirkan tuannya, itu merupakan sabahagian dari tanda-tandanya, apabila engkau melihat orang yang berkaki ayam, telanjang, tuli dan bisu⁴⁰ menjadi raja di bumi, itu juga di antara tanda-tandanya, apabila engkau melihat gembala-gembala ternakan saling berlumba-lumba meninggikan bangunan, itu juga di antara tanda-tandanya. Ada lima perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah,” Kemudian Rasulullah saw membaca surah Luqman ayat 34 yang bermaksud: “Sesungguhnya hanya Allah sajalah yang mengetahui tentang Hari Kiamat, Dialah yang menurunkan hujan serta mengetahui apa yang ada di dalam Rahim. Tidak ada seorang pun dapat mengetahui (dengan pasti) apa yang akan diusahakannya esok. Tiada seorang pun dapat mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha mengenal.” Kata perawi, selepas itu orang itu bangun lalu pergi. Rasulullah s.a.w. pun berkata kepada sahabat-sahabatnya, “carilah orang itu, bawakanlah dia kembali kepadaku,” Orang itu pun dicari-cari oleh para sahabatnya, tetapi mereka tidak dapat menemuinya. Maka Rasulullah s.a.w. pun berkata: “orang tadi ialah Jibril. Dia mahu kalian belajar, kerana kalian tidak bertanya tadi.”

٢- باب بيان الصلوات التي هي أحد أركان الإسلام

2. Bab: Menerangkan Tentang Shalat-Shalat Yang Merupakan Salah Satu Rukun Islam

٤ - عَنْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدٍ اللَّهِ يَقُولُ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَهْلِ بَجْدٍ ثَائِرِ الرَّأْسِ تَسْمَعُ دَوِيَّ صَوْتِهِ وَلَا تَفْقَهُ مَا يَقُولُ حَتَّى دَنَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُ عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُنَّ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعَ وَصِيَامَ شَهْرِ رَمَضَانَ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ

⁴⁰ Ertinya ialah orang-orang yang miskin, jahil lagi bodoh.

فَقَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرِّكَاءَ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ قَالَ فَأَدْبَرَ الرَّجُلُ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَا أَزِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ مِنْهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ

4- Thalhah bin Ubaidillah meriwayatkan, katanya: “Seorang lelaki penduduk Najd datang kepada Rasulullah SAW dalam keadaan tidak terurus rambutnya. Kami mendengar suaranya, tetapi tidak jelas bagi kami apa yang dikatakannya. Akhirnya dia mendekati Rasulullah SAW, rupa-rupanya dia bertanya tentang Islam. Jawab Rasulullah SAW., “sembahyang lima kali sehari semalam.”⁴¹ “Tanya orang itu, “Adakah kewajiban kami selain itu(adakah sembahyang lain wajib keatas saya?” Jawab Nabi SAW., “Tidak! Kecuali jika engkau mahu mengerjakan sembahyang sunat.” Kata beliau selanjutnya, “Puasa bulan Ramadhan.” Tanya orang itu, “Adakah kewajiban kami selain itu(adakah puasa lain yang wajib keatas saya?” Jawab Nabi SAW., “Tidak! Kecuali jika engkau mahu puasa sunat.” Nabi SAW menyebut pula, “Zakat.” Tanya orang itu, “Adakah kewajiban kami selain itu? (adakah selain zakat wajib keatas saya?)” Jawab Nabi SAW., “Tidak! Kecuali jika engkau mau bersedekah sunat.”⁴² Kata Thalhah, “Kemudian orang itu berlalu sambil berkata: “Demi Allah! Apa yang diajarkan Rasulullah itu tidak akan ku tambah dan tidak akan ku kurangi.” Sabda Rasulullah SAW., “Beruntunglah dia, jika apa yang diucapkannya itu benar-benar ditepatinya.”⁴³

⁴¹ Didalam hadis ini, di sebut siang sebelum malam, walaupun hari bermula dengan malam dahulu menurut Al-Quran.

⁴² Sabda Rasulullah SAW (kecuali jika kamu mahu melakukan yang sunat) dapat di fahami sebagai: a) Kamu di anjurkan untuk melakukan amalan sunat. b) Bila anda telah memulakan solat sunat atau puasa sunat, anda wajib menyudahkannya. Bererti amalan yang sunat akan menjadi wajib bila anda sudah memulakannya. Ini ialah pendapat Malikiyyah dan Hanafiyyah. c) Imam Nawawi berpendapat: Solat atau puasa sunat yang telah dikerjakan, eloklah di sempurnakan, menyempurnakannya bukanlah suatu yang wajib.

⁴³ Sabda Rasulullah SAW (Beruntunglah orang itu kalau apa yang di katakannya di kotakan). a) Ada ulama' mengatakan; Orang itu akan beruntung kalau dia tidak mengurangi ibadat-ibadat yang telah di wajibkan. Iaitu, orang itu akan beruntung kalau dia tidak meninggalkan mana-mana ibadat fardhu. b) Pendapat yang lebih kuat ialah orang itu akan beruntung kalau dia tidak menokok tambah seperti bersembahyang zohor lima rakaat atau mengurangkan ibadat-ibadat yang telah di wajibkan kepadanya seperti bersembahyang zohor dua atau tiga rakaat; dan orang yang melaksanakan apa yang telah di wajibkan kepadanya, maka dia adalah orang yang beruntung. Namun, bukan bermakna apabila dia melaksanakan lebih dari yang di wajibkan, dia tidak akan beruntung, bahkan itu lebih utama. Sebab apabila dia beruntung kerana melaksanakan apa yang di wajibkan, maka dia akan lebih beruntung lagi dengan menambah atau menyempurnakannya dengan amalan yang sunat. c) Ada juga pendapat

٥- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ سَمِعْنَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ شَيْءٍ فَكَانَ يُعْجِبُنَا أَنْ يَجِيءَ الرَّجُلُ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ الْعَاقِلُ فَيَسْأَلُهُ وَنَحْنُ نَسْمَعُ فَجَاءَ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْبَادِيَةِ فَقَالَ يَا مُحَمَّدُ أَتَانَا رَسُولُكَ فَرَعَمَ لَنَا أَنَّكَ تَزْعُمُ أَنَّ اللَّهَ أَرْسَلَكَ قَالَ صَدَقَ قَالَ فَمَنْ خَلَقَ السَّمَاءَ قَالَ اللَّهُ قَالَ فَمَنْ خَلَقَ الْأَرْضَ قَالَ اللَّهُ قَالَ فَمَنْ نَصَبَ هَذِهِ الْجِبَالَ وَجَعَلَ فِيهَا مَا جَعَلَ قَالَ اللَّهُ قَالَ فَبِالَّذِي خَلَقَ السَّمَاءَ وَخَلَقَ الْأَرْضَ وَنَصَبَ هَذِهِ الْجِبَالَ اللَّهُ أَرْسَلَكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ وَرَعَمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِنَا وَلَيْلَتِنَا قَالَ صَدَقَ قَالَ فَبِالَّذِي أَرْسَلَكَ اللَّهُ أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَ وَرَعَمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا رَكَعًا فِي أَمْوَالِنَا قَالَ صَدَقَ قَالَ فَبِالَّذِي أَرْسَلَكَ اللَّهُ أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَ وَرَعَمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا صَوْمَ شَهْرِ رَمَضَانَ فِي سَنَتِنَا قَالَ صَدَقَ قَالَ فَبِالَّذِي أَرْسَلَكَ اللَّهُ أَمَرَكَ بِهَذَا قَالَ نَعَمْ قَالَ وَرَعَمَ رَسُولُكَ أَنَّ عَلَيْنَا حَجَّ الْبَيْتِ مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا قَالَ صَدَقَ قَالَ ثُمَّ وَلى قَالَ وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَا أَزِيدُ عَلَيْهِنَّ وَلَا أَنْقُصُ مِنْهُنَّ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسَ صَدَقَ لِيَدْخُلَنَّ الْحَنَّةَ

5- Anas bin Malik meriwayatkan, katanya: “Kami pernah dilarang untuk bertanya kepada Rasulullah SAW tentang sesuatu⁴⁴. Kerana itu kami mengharapakan kedatangan seorang badwi⁴⁵ yang bijaksana⁴⁶ yang hendak bertanya kepada beliau, sehingga kami dapat mendengarkannya. Lantas, pada suatu ketika datang seorang lelaki badwi. Dia bertanya, “wahai Muhammad!⁴⁷ Utusan anda telah datang kepada kami. Dia mengatakan kepada

mengatakan bahawa walaupun orang itu tidak mengerjakan mana-mana amalan sunat dan hanya mengerjakan amalan yang fardhu sahaja, dia tetap akan berjaya dan beruntung.

⁴⁴ Para sahabat dilarang daripada bertanya Nabi SAW tentang sesuatu yang tidak penting dan tidak perlu didalam masalah agama berdasarkan firman Allah SWT يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَن شَيْءٍ (tanyalah aku) kerana pertanyaan yang dianjurkan oleh Nabi SAW adalah bertanya sesuatu yang perlu sahaja.

⁴⁵ Kerana di harapkan orang yang akan bertanya Nabi SAW itu orang pedalaman yang belum lagi sampai kepadanya larangan daripada bertanya perkara yang bukan-bukan.

⁴⁶ Kerana orang yang cerdik tahu cara untuk bertanya, adab-adabnya serta akan bertanya perkara-perkara penting sahaja.

⁴⁷ Para ulama' berkata; peristiwa orang Arab badwi itu memanggil Nabi SAW dengan namanya berlaku sebelum turunnya firman Allah SWT: لا تجعلوا دعاء الرسول بينكم كدعاء بعضكم بعضا “Janganlah kamu jadikan panggilan Rasul diantara kamu seperti panggilan sebahagian kamu kepada sebahagian yang lain.”(An-Nuur:63). Atau mungkin juga peristiwa tersebut berlaku setelah turunnya ayat larangan daripada memanggil Rasul dengan namanya, tetapi ayat tersebut belum sampai ke pengetahuan orang Badwi itu. **Pengajaran:** a) Kata Sheikh Abu ‘Amr bin Ash-Shalah (R), “Di dalam hadis ini terdapat kebenaran tentang apa yang di pegang oleh para tokoh ulama’

kami bahawa Anda utusan Allah.” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!!” Tanya orang itu, “Siapa yang menjadikan langit?” Jawab Nabi SAW., “Allah!” Dia bertanya pula, “Siapa yang menjadikan bumi?” Jawab Nabi SAW., “Allah!” Tanyanya lagi, “Siapakah yang menancapkan gunung-gunung ini, dan menjadikan segala isinya?” Jawab Nabi SAW., “Allah!” Ujar orang itu, “Demi Yang menjadikan langit dan bumi, dan Yang menancapkan gunung-gunung ini, sungguhkah Allah yang mengutus Anda?” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Kata orang itu pula, “Utusan Anda mengatakan, kami wajib bersembahyang lima kali sehari semalam.” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Ujar orang itu, “Demi yang telah mengutus Anda, sungguhkah Allah yang memerintahkan kepada Anda?” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Kata orang itu pula, “Utusan Anda mengatakan, bahwa kami wajib membayar Zakat harta kami.” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Kata orang itu, “Demi Yang telah mengutus Anda, sungguhkah Allah yang memerintahkan kepada Anda?” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Ujar orang itu pula, “Utusan Anda mengatakan, bahwa kami wajib puasa sebulan Ramadhan setiap tahun.” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Kata orang itu, “Demi Yang mengutus Anda, sungguhkah Allah yang memerintahkannya kepada Anda?” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Kata orang itu pula, “Utusan Anda juga mengatakan, bahwa kami wajib Haji ke Baitullah apabila kami sanggup melaksanakannya.” Jawab Nabi SAW., “Ya, benar!” Kata Anas, “Sesudah itu, orang itu pun berlalu sambil berkata: Demi Allah yang telah mengutus anda dengan kebenaran, aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangi semuanya.” Maka bersabda Nabi SAW., “Jika apa yang dikatakannya itu benar-benar ditepatinya, nescaya dia masuk syurga.”

tentang mukminnya orang-orang awam yang bertaqlid, dan mereka cukup hanya dengan meyakini kebenaran ajaran Islam, secara pasti dan tanpa ragu. b) Haakim membuat kesimpulan bahawa elok bermusafir atau berjalan untuk mendapatkan sanad yang tinggi. Katanya, “kerana orang Arab badwi itu tidak berpuas hati hanya dengan mendengar daripada utusan Nabi SAW sahaja, dia juga berangkat untuk bertemu dan mendengar daripada mulut Nabi SAW sendiri. Tetapi, sebenarnya tiada bukti menunjukkan elok berjalan atau bermusafir untuk mendapatkan ketinggian sanad kerana orang Arab ini berjumpa Nabi SAW bukan dengan tujuan itu.

4- بَابُ بَيَانِ الْإِيمَانِ الَّذِي يُدْخِلُهُ الْجَنَّةَ وَأَنَّ مَنْ تَمَسَّكَ بِمَا أَمَرَهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

4. Bab: Menerangkan Tentang Iman Yang Menjadi Sebab Masuk Syurga Dan Bahawa Sesiapa Yang Memegangi Apa Yang Diperintahkan kepadanya, Maka Akan Masuk Syurga.

٦- عَنْ أَبِي أَيُّوبَ أَنَّ أَعْرَابِيًّا عَرَضَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي سَفَرٍ فَأَخَذَ بِحِطَامِ نَاقَتِهِ أَوْ بِرِمَامِهَا ثُمَّ قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْ يَا مُحَمَّدَ أَخْبِرْنِي بِمَا يَقْرَبُنِي مِنَ الْجَنَّةِ وَمَا يَبَاعِدُنِي مِنَ النَّارِ قَالَ فَكَفَّتِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ نَظَرَ فِي أَصْحَابِهِ ثُمَّ قَالَ لَقَدْ وَفَّقَ أَوْ لَقَدْ هَدَيْتُ قَالَ كَيْفَ قُلْتَ قَالَ فَأَعَادَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَعْبُدُ اللَّهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ وَتَصِلُ الرَّحِمَ دَعِ النَّفَاةَ

6- Abu Ayyub meriwayatkan bahawa seorang badwi menawarkan kepada Rasulullah saw yang sedang berada dalam perjalanan untuk memegang tali kekang unta beliau. Kemudian orang itu berkata: “wahai Rasulullah! Ajarkanlah kepadaku suatu amal yang dapat mendekatkanku ke syurga, dan menjauhkanku dari neraka.” Kata Abu Ayyub, “Kerana itu Nabi SAW berhenti,⁴⁸ kemudian beliau memandang kepada para sahabatnya dan berkata: “Seseungguhnya dia telah di beri taufiq.” Kemudian Nabi SAW berkata kepada orang itu, “Apa kata anda?” Orang itu pun mengulang permintaannya. Maka sabda Nabi SAW., “Sembahlah Allah dan jangan menyengutukannya dengan sesuatu; dirikanlah sembahyang, bayarlah zakat dan hubungkanlah silaturrahim⁴⁹.” Nah, sekarang lepaskanlah untaku!”

⁴⁸ Nabi SAW berhenti berjalan dan diam sejenak kerana menunggu turunnya wahyu.

⁴⁹ Menghubungkan silaturrahim, ialah membuat kebajikan kepada kaum kerabat, lebih-lebih lagi yang ada pertalian darah, seperti bersedekah, ziarah, serta perbuatan yang menyenangkan mereka dan juga di sukai oleh Allah. **Pengajaran daripada hadis:** a) Boleh mengeluarkan dan meminta fatwa atau pendapat ketika dalam perjalanan. b) Berbudi bahasa dengan orang yang jahil. c) Boleh berhenti seketika ketika untuk menjawab pertanyaan orang. d) Melakukan amalan-amalan yang wajib sahaja tanpa melakukan yang sunat juga akan menghampirkan seseorang itu dengan syurga. e) Harus meninggalkan perkara-perkara sunat. f) Boleh memuji seseorang itu di